



WILD Thing selesa di dalam rumah pasangan itu. - DM



HAIWAN itu makan di meja bersama tuannya. - DM

'ANAK' GERGASI

Kerbau peliharaan bebas keluar masuk rumah tuan

Agensi Austin (Amerika Syarikat)

Walaupun hampir beberapa kali dihempap haiwan kesayangan mereka, pasangan Ronnie dan Sherron Bridges tetap tidak mahu berpisah dengan kerbau yang tinggal serumah dengan mereka.

Pasangan dari Texas itu membiarkan kerbau seberat 1,134 kilogram (kg) yang mereka namakan Wild Thing itu berkellaran di dalam rumah mereka.

Malah kerbau itu juga mempunyai biliknya sendiri untuk membolehkan dia menonton filem aksi selain makan bersama mereka di meja di dapur rumah itu.

Wild Thing juga menjadi pengapit Ronnie dan Sherron ketika mereka berkahwin 10 tahun lalu.

Bridges, 60, dan Sherron, 44, pernah memiliki 52 kerbau tetapi menjual hampir semuanya 13 tahun lalu, kecuali seekor anak haiwan itu.

"Saya yang terfikir untuk membawa Wild Thing ke dalam rumah ketika dia masih kecil. Saya memberitahu suami, hidup ini singkat jadi eloklah kita buat sesuatu yang berbeza dengannya," kata Sherron.

Sementara itu Ronnie berkata: "Tidak dinafikan dia memang 'gergasi' tetapi percaya atau tidak, walaupun saiznya sangat besar dengan kepalanya saja 181kg, dia sangat berhati-hati dan kami membiarkannya keluar masuk rumah sesuka hatinya.

"Disebabkan terlalu besar, kehadirannya di dalam rumah itu sama seperti sebuah kereta berada di dalam ru-

mah. Kami terpaksa mengalihkan perabot setiap kali dia mahu masuk."

Wild Thing kini hampir berusia 11 tahun dan rapat dengan sekumpulan serigala yang juga dipelihara pasangan itu.

"Dia manja dengan kami, namun untuk isteri saya sendiri memberus bulunya mengambil masa 10 tahun.

"Pernah dia terkejut dan tertanduk saya. Bagaimana-

pun saya bernasib baik kerana tersangkut di antara dua tanduknya dan kerana masih ketakutan dia terus berlari dengan saya berpaut pada tanduknya.

"Ketika itu isteri menyangka ajal saya sudah tiba. Sebenarnya lebih selamat membela beruang daripada kerbau - spesies mamalia terbesar di Amerika Utara.

"Tetapi kami tetap menyayanginya," kata Bridges.



WILD Thing gemar menonton filem aksi. - DM